



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 17 Disember 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KPDN KUALA LUMPUR MUSNAH RAMPASAN BAGI TEMPOH DUA TAHUN

Lupus barang kes **RM4.5j**

Oleh Noor
 Hidayah Tanzizi
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 309 kes membabitkan nilai mencecah RM4.5 juta dilupuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur bagi tempoh dua tahun bermula Januari tahun lalu hingga Disember ini.

Pengarahnya, Mohd Sabri Seman berkata, pelupusan barang kes itu membabitkan kes mengikut Akta Cap Dagangan 2019, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Perlindungan Penggunaan 1999.

Katanya, antara barang kes yang dilupuskan ialah pakaian dan aksesori fesyen antaranya baju, seluar, topi, kasut, selipar dan tali pinggang selain komponen elektronik, aksesori telefon, produk kesihatan dan kecantikan.

Menurutnya, selain itu pembersihan dan penjagaan rumah serta alat ganti dan penyelenggaraan kenderaan seperti minyak enjin, *water filter*, *air filter* dan *fuel filter*.

"Ia termasuk pelupusan rampasan mencecah RM1 juta membabitkan 54 kes yang dilakukan dalam pelupusan mega, sekali gus yang paling tinggi.

"Barangan merekodkan kuantiti tertinggi ialah pakaian dan aksesori fesyen hasil tindakan kes mengikut Akta Cap Dagangan 2019 iaitu sebanyak 24,800 unit.

"Semua barangan yang dilupuskan adalah berstatus selesai menjalani prosiding mahkamah dan su-



MOHD Sabri (dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN WPKL, Mohd Shahrin Mohd Arshad (kanan) melakukan proses pelupusan barangan rampasan dengan menuang cecair rampasan dalam bekas khas pada Program Pelupusan Mega KPDNHEP KL di Stor Penyimpanan Ekshibit KPDN WPKL di Kompleks Sentral, Taman Segambut. - Gambar NSTP/HARI ANGGARA

dah mendapat perintah atau kebenaran pelupusan daripada mahkamah atau selaras peruntukan akta berkuat kuasa di bawah KPDN," katanya pada sidang media, semalam.

Beliau berkata, proses pelupusan dijalankan secara sistematik dan terancang serta tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard Pengurusan Eksibit (Barang Kes).

Katanya, pelupusan itu memberi manfaat kepada masyarakat kerana ia menyokong pertumbuhan ekonomi dan perniagaan sah dengan menghalang

"Semua barangan yang dilupuskan adalah berstatus selesai menjalani prosiding mahkamah dan sudah mendapat perintah atau kebenaran pelupusan daripada mahkamah atau selaras peruntukan akta berkuat kuasa di bawah KPDN"

Mohd Sabri

barang tidak patuh undang-undang daripada kembali ke pasaran, sekali gus meningkatkan kesedaran kepenggunaan.

"Ia turut melindungi alam sekitar melalui kaedah pelupusan terkawal dan

berhemah selain menjaga kesihatan masyarakat daripada risiko penggunaan barangan tidak memenuhi piawaian keselamatan serta memastikan barang berbahaya tidak digunakan.

"Pada masa sama ia turut

melindungi industri dan produk tempatan daripada persaingan tidak adil, sekali gus memperkukuh keyakinan terhadap pasaran dan menyokong kelestarian ekonomi negara," katanya.

Sementara itu, Mohd Sabri berkata, KPDN Kuala Lumpur menunjukkan prestasi penguatkuasaan memberangsangkan pada tahun ini dengan merekodkan sebanyak 584 kes membabitkan nilai rampasan mencecah RM4.7 juta, manakala nilai kompaun RM830,000 dan nilai denda pula adalah RM260,000.

Perketat pemantauan ketirisan barang kawalan

Kuala Lumpur: Sindiket dan kartel berskala besar yang terbabit dalam ketirisan barang kawalan termasuk minyak masak di ibu kota dipantau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur untuk dibanteras secara tuntas.

Pengarahnya, Mohd Sabri Seman berkata, pihaknya akan meningkatkan penguatkuasaan terhadap sindiket dan kartel tahun depan.

“Beberapa kes dalam siasatan. Bagi (KPDN) Kuala Lumpur, siasatan dan pemantauan terhadap kegiatan sindiket membabitkan ketirisan barang kawalan akan diberi keutamaan,” katanya pada sidang media selepas Program Pelupusan Mega Ekshibit KPDN Kuala Lumpur di sini, semalam.

Antara barang kes dilupuskan ialah pakaian dan aksesori fesyen termasuk baju, seluar, topi, kasut, selipar dan tali pinggang selain komponen elektronik, aksesori telefon, produk kesihatan dan kecantikan.

Menurutnya, lokasi kegiatan sindiket itu tidak tertumpu di satu lokasi sebaliknya ia bertaburan termasuk di kawasan terpencil selain tepi sungai dan semak.

“Peniaga dan pengguna juga diberi amaran tidak terbabit dalam sebarang aktiviti menyalahi undang-undang.

“Orang ramai juga dinasihatkan menyalurkan maklumat sebarang aktiviti mencurigakan,” katanya.

Madani Rahmah sales benefit over two million in Perak

GOPENG: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) organised 1,835 Madani Rahmah sales programmes this year in Perak, benefitting more than two million people.

Perak KPDN director Datuk Kamalludin Ismail said the number of programmes represented an increase of 94.6% compared with 943 programmes last year.

“The ministry remains committed and will continue to organise the programmes to ensure the people of Perak benefit from the purchase of essential goods at discounted prices of around 10% to 30%,” he told a press conference after launching the Fun Ride for Rahmah and Jiwa Murni Pengguna Mesra programmes with the Ulu Geruntum Orang Asli community here yesterday, Bernama reported.

Kamalludin said Perak KPDN would also organise the Back-to-School Madani Rahmah sales programmes at 58 locations this month and in January 2026 to help students and parents obtain school necessities at below market prices.

“For us, this programme is very meaningful as it provides an opportunity for parents to purchase school uniforms, shoes, bags and stationery at reasonable prices,” he said.

Regarding the programme with the Orang Asli community, he said it was held for the first time in collaboration with Selangor KPDN.

Kamalludin said the event aimed to engage with the people in Ulu Geruntum to ensure they receive information on government facilities and cost-of-living assistance.

RM30.3m KPDN Sabah seizures in 11 months



KOTA KINABALU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sabah conducted 136,600 inspections of business premises, covering both urban and rural areas, from Jan 1 to Nov 30, compared to 67,972 inspections during the same period in 2024.

"The inspections were carried out through several enforcement operations, namely Ops Tiris, Ops Ria and Ops Kesan 4.0.

"These enforcement activities resulted in 1,534 cases being taken under various Acts, with a total seizure value amounting to RM30,378,881.51, compared to RM9,132,304.17 in the previous year," said Chief Enforcement Officer Peter J Berinus Angang, in a statement, Tuesday.

He said from the total inspections conducted, RM662,250.00 in compounds was issued involving various offences under Acts enforced by KPDN. In addition, 96 cases were prosecuted in court throughout the year.

He also said KPDN Sabah received 1,967 complaints statewide, of which 1,861 complaints were successfully resolved while 106 complaints remain under investigation.

"Enforcement and inspection activities were carried out by 204 KPDN enforcement officers throughout the State to ensure the availability of essential goods and that business activities are conducted in compliance

with laws regulated by KPDN.

"These efforts aim to protect consumers and combat leakages of controlled goods," Peter added.

He expressed appreciation to strategic partners, including the Royal Malaysia Police, the Royal Malaysian Customs Department, the Marine Police Force and local authorities, for their close cooperation throughout the year in assisting the Ministry to curb leakages of controlled goods along the country's maritime borders.

"Such close cooperation will continue to be strengthened to ensure that government subsidies truly benefit the people.

"KPDN Sabah calls upon the local community to act as the eyes and ears of the Ministry by providing information on any unethical traders, to assist in regulating subsidised controlled goods and addressing any violations committed by any party," he urged.

Consumers may lodge complaints through official channels on WhatsApp: 019-279 4317 / 019-848 8000, complaint portal: <http://eaduan.kpdn.gov.my>, call centre: 1-800-886-800, through email: eaduan@kpdn.gov.my, Ez ADU KPDN application, through the Enforcement Command Centre: 03-8882 6088 / 6245 or official letters to the nearest KPDN



KPDN Sabah conducts over 136,000 premises inspections in 2025

SANDAKAN: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sabah branch reported a significant intensification of its enforcement operations for the year.

KPDN Sabah Chief Enforcement Officer, Peter J. Berinus Agang on Tuesday disclosed the ministry carried out 136,600 inspections of business premises across the state in the first 11 months of 2025.

This figure marked a more than two-fold increase from the 67,972 inspections conducted during the same period in 2024.

The inspection drive, which ran from 1 January to 30 November and included operations such as Ops Tiris and Ops Kesan 4.0, yielded substantial results.

According to Peter, these efforts led to 1,534 cases initiated under various enforced acts, seizures valued at RM30.38 million, a sharp rise from RM9.13 million in 2024, compounds issued totalling RM662,250 and 96 cases brought to court for prosecution.

Peter highlighted that these operations, executed by a force of 204 enforcement officers, are central to the ministry's mission. "Our primary objectives are to ensure the adequate supply of essential goods, guarantee business compliance with regulations, and decisively curb the leakage of controlled, subsidised goods to protect consumer interests," he stated.

Alongside the crackdown, the ministry's public complaint mechanism remained active, receiving 1,967 reports from citizens. The agency successfully resolved 1,861 of these complaints (94.6%), with 106 still under investigation.

Peter also extended the ministry's appreciation to its strategic partners, including the Royal Malaysia Police (PDRM) and the Royal Malaysian Customs Department (JKDRM), for their cooperation in border and maritime operations to prevent subsidy leakage.



Peter urged local communities to act as the 'eyes and ears' of the ministry by reporting any information or unethical trader activities.

Peter urged local communities to act as the 'eyes and ears' of the ministry by reporting any information or unethical trader activities, particularly those involving subsidised controlled goods.

Complaints can be submitted through various official channels including: WhatsApp: 019-279 4317 / 019-848 8000; Complaint Portal: <http://eaduan.kpdn.gov.my>; Call Centre: 1-800-886-800; Email: eaduan@kpdn.gov.my; Ez ADU KPDN Application; Enforcement Command Centre (ECC): 03-8882 6088 / 6245; Official letter to the nearest KPDN office. – **James Leong**



136,600 premis diperiksa sepanjang tahun 2025

Oleh FARDY BUNGA

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah telah melaksanakan pemeriksaan terhadap 136,600 premis sehingga 30 November lalu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Sabah, Peter J Berinus Agang berkata, jumlah itu meningkat satu kali ganda berbanding 67,972 pemeriksaan premis sepanjang tempoh sama tahun 2024.

Menurutnya, pemeriksaan merangkumi beberapa operasi seperti Ops Tiris, Ops Ria dan Ops Kesan 4.0 yang berjaya menghasilkan 1,534 tindakan kes pelbagai akta.

Katanya, bagi tempoh sama, KPDN turut merekodkan nilai rampasan sebanyak RM30.378 juta berbanding RM9.132 juta tahun lalu.

"Sepanjang operasi berkenaan, sebanyak RM662,250.00 kompaun dikeluarkan yang melibatkan pelbagai kesalahan mengikut akta yang dikuatkuasakan oleh KPDN dan 96 kes sudah dituduh di Mahkamah.

"Selain itu, sepanjang tempoh sama, KPDN Sabah menerima 1,967 aduan di seluruh



PETER

negeri, di mana 1,861 aduan berjaya diselesaikan dan 106 aduan masih dalam siasatan," katanya dalam kenyataan media.

Menurutnya, penguatkuasaan dan pemeriksaan dilaksanakan oleh seramai 204 pegawai Penguat Kuasa KPDN di seluruh negeri bagi memastikan keberadaan bekalan barang keperluan serta aktiviti perniagaan dapat dijalankan selaras dengan perundangan yang dikawalselia oleh KPDN bagi melindungi pengguna serta membanteras ketirisan barang kawalan.

"KPDN Sabah ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan strategik KPDN seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM), Pasukan Po-



PERIKSA Antara operasi pemeriksaan yang dijalankan KPDN.

lis Marin (PPM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atas kerjasama erat.

"Kerjasama ini membantu KPDN membanteras ketirisan barang kawalan khususnya di sempadan perairan negara dan ia akan ditingkatkan demi memastikan subsidi kerajaan dapat dimanfaatkan sebaiknya," katanya.

Sehubungan itu, Peter berkata, KPDN Sabah memohon bantuan orang ramai agar menjadi mata dan telinga bagi menyalurkan maklumat atau salah laku peniaga tidak beretika.

Katanya, ia bagi membantu KPDN mengawalselia barang kawalan bersubsidi serta sebarang pelanggaran oleh ma-

na-mana orang.

"Pengguna boleh menyalurkan aduan menerusi saluran aduan rasmi antaranya menerusi aplikasi Whatsapp ditalian 019 279 4317 dan 019 848 8000.

"Maklumat juga boleh disalurkan menerusi Portal Aduan: <http://eaduan.kpdn.gov.my>, Pusat Panggilan KPDN 1 800 886 800, emel eaduan@kpdn.gov.my atau Aplikasi Ez ADU KPDN.

"Orang ramai juga boleh menghubungi Pusat Arahan Penguatkuasaan (Enforcement Command Centre) di talian 03 8882 6088 / 6245 atau menghantar Surat Rasmi ke Pejabat KPDN berdekatan," katanya.

KPDN Sabah steps up enforcement, conducts over 136,000 inspections

KOTA KINABALU: The Sabah branch of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has significantly intensified its enforcement efforts this year, conducting a total of 136,600 inspections at business premises across urban and rural areas statewide from January 1 to November 30, 2025.

Sabah KPDN Enforcement Chief Officer Peter J. Berinus Agang said the figure marks a sharp increase compared with 67,972 inspections carried out during the same period last year.

"The inspections involved several operations, including Ops Tiris, Ops Ria and Ops Kesan 4.0," he said in a statement on Monday.

According to Peter, the inspections led to 1,534 enforcement actions under various Acts enforced by KPDN, with total seizures amounting to RM30,378,881.51, compared with RM9,132,304.17 recorded in the corresponding period in 2024.

"From the total inspections conducted, compounds amounting to RM662,250 were issued for various offences under the Acts enforced by KPDN. In addition, 96 cases were charged in court throughout 2025," he



Peter J. Berinus Agang

said.

Peter added that KPDN Sabah received a total of 1,967 complaints statewide during the year, of which 1,861 cases were successfully resolved, while 106 complaints remain under investigation.

He said enforcement and inspection activities were carried out by 204 KPDN enforcement officers throughout Sabah to ensure the availability of essential goods and that business activities are conducted in compliance with existing laws.

"These efforts are crucial to protect consumers and to curb the leakage of controlled goods," he said.

Peter also expressed KPDN Sabah's appreciation to its strategic partners, including the Royal Malaysia Police (PDRM),

the Royal Malaysian Customs Department (JKDRM), the Marine Police Force (PPM) and local authorities, for their close cooperation throughout the year.

"The strong collaboration has greatly assisted the ministry in combating the leakage of controlled goods, particularly along the nation's maritime borders. This cooperation must continue to be strengthened to ensure that government subsidies truly benefit the people," he said.

He also called on the public to play an active role by becoming the "eyes and ears" of the authorities, urging them to channel information on unethical traders or any violations involving subsidised and controlled goods.

Members of the public may lodge complaints through the following official channels: WhatsApp: 019-279 4317 / 019-848 8000, e-Aduan Portal: <http://eaduan.kpdn.gov.my>, Call Centre: 1-800-886-800, Email: eaduan.kpdn.gov.my, Ez ADU KPDN application, Enforcement Command Centre: 03-8882 6088/ 03-8882 62457 and official letters to the nearest KPDN office.

KPDN Sabah rekod rampasan lebih RM30.37 juta

Oleh Vivi Olivia Najurus

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah merekodkan nilai rampasan berjumlah RM30,378,881.51 hasil pemeriksaan premis perniagaan di seluruh negeri sepanjang tempoh 1 Januari hingga 30 November 2025.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Sabah, Peter J. Berinus Agang berkata, nilai rampasan terbabit dicatat susulan 1,534 tindakan kes mengikut pelbagai akta yang dikuatkuasakan kementerian, sekali gus menunjukkan peningkatan ketara berbanding RM9,132,304.17 bagi tempoh sama tahun lalu.

"Dalam tempoh berkenaan, KPDN Sabah melaksanakan sebanyak 136,600 pemeriksaan premis melibatkan kawasan bandar dan luar bandar, meningkat hampir dua kali ganda berbanding 67,972 pemeriksaan pada 2024.

"Pemeriksaan digerakkan menerusi beberapa operasi penguatkuasaan utama termasuk Ops Tiris, Ops Ria dan Ops Kesan 4.0 bagi memastikan pematuhan undang-undang perdagangan serta membanteras ketirisan



PETER

barangan kawalan dan bersubsidi," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, selain rampasan, KPDN Sabah juga mengeluarkan kompaun bernilai RM662,250 membabitkan pelbagai kesalahan, manakala 96 kes dibawa ke mahkamah sepanjang 2025.

"Dalam aspek perlindungan pengguna, kementerian menerima 1,967 aduan di seluruh Sabah dengan 1,861 aduan berjaya diselesaikan dan 106 aduan masih dalam siasatan.

"Kesemua operasi penguatkuasaan digerakkan oleh 204 pegawai penguat kuasa KPDN di seluruh negeri

bagi memastikan bekalan barangan keperluan sentiasa mencukupi dan aktiviti perniagaan berjalan selaras dengan perundangan sedia ada," katanya.

Beliau berkata, usaha penguatkuasaan turut dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pasukan Polis Marin (PPM) dan pihak berkuasa tempatan.

"Kerjasama antara agensi berkenaan membantu memperkukuh tindakan membanteras ketirisan barangan kawalan khususnya di sempadan dan perairan negara.

"Pada masa sama, KPDN Sabah menyeru orang ramai berperanan sebagai mata dan telinga dengan menyalurkan maklumat berkaitan peniaga tidak beretika atau sebarang pelanggaran undang-undang perdagangan.

"Aduan boleh dikemukakan melalui WhatsApp 019-279 4317 atau 019-848 8000, portal eAduan KPDN, talian 1-800-886 800, emel eaduan@kpdn.gov.my, aplikasi Ez ADU KPDN, Pusat Arahan Penguatkuasaan atau secara bertulis ke pejabat KPDN berhampiran," katanya.

銷毀

涉及309宗案件

值逾450萬充公品

(巴生16日讯) 国内贸易及生活成本部 (KPDN) 联邦直辖区吉隆坡分局, 在过去两年内已销毁涉及309宗案件, 总值逾450万令吉充公物品。

这些被销毁的充公物品, 是在2024年1月至2025年12月期间, 当局展开执法行动中所充公的。

该分局局长莫哈末沙布里今日在国内贸易及生活成本部联邦直辖区吉隆坡分局销毁充公品活动上指出, 有关销毁行动被列为“2025年吉隆坡KPDN大型销毁行动”, 是该分局在这两年内销毁价值最高的一次, 包括今日进行、涉及54宗案件、价值逾100万令吉的销毁行动。

确保不流入市场

他说, 此次销毁行动展现吉隆坡分局持续依法、依规处理案件证物的决心, 同时确保违规商品不会再度流入市场, 保障消费者权益。

他指出, 有关案件涉及2019年商标法令、2011年价格管制及反暴利法令、2011年商品说明法令以及1999年消费者保护法令。

他说, 被销毁的物品包括服装与时尚配件, 其中包括衣服、裤子、帽子、鞋子、拖鞋、皮带、包包、钱包及手表, 同时还有电子零件, 包括充电器、电池和手机配件等。

出席者有直辖区国内贸易及生活成本部执法组主任莫哈沙南。



毁部分充公物品。
↑ 莫哈末沙布里 (左3) 与莫哈末沙南 (左2) 销毁国内贸易及生活成本部销毁充公物品。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Rampasan RM15.5 bilion bukti integriti kerajaan

- **PM tegaskan ia kali pertama direkod dalam sejarah negara**
- **Beri gambaran sebelum ini ada kelompokan**

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri berkata, integriti merupakan asas utama keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan tanpa prinsip itu, kerajaan tidak mungkin berjaya merekodkan nilai rampasan, lucut hak serta kutipan penalti berjumlah RM15.5 bilion.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pencapaian tersebut adalah kali pertama direkodkan dalam sejarah negara dan membuktikan usaha membanteras ketirisan, rasuah serta penyeludupan kini dilaksanakan secara lebih tegas dan menyeluruh.

"Ini kali pertama dalam sejarah negara. Ia memberi gam-



ANWAR pada sesi soal jawab lisan di Dewan Negara, Kuala Lumpur semalam. – JABATAN PENERANGAN

baran bahawa sebelum ini terdapat kelompokan dan kelonggaran.

"Mana mungkin dalam satu negara kita mampu mengutip RM15.5 bilion daripada keti-

risan, rasuah dan penyeludupan," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Negara di sini semalam.

Menurut beliau, daripada jumlah itu, Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merekodkan nilai lucut hak melebihi RM8 bilion dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) hampir RM4 bilion.

Dalam pada itu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) lebih RM2.5 bilion, manakala Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mencatat rampasan serta kutipan penalti berjumlah RM1 bilion.

Anwar berkata, pencapaian tersebut mencerminkan tahap penguatkuasaan yang semakin berkesan oleh agensi berkaitan termasuk Maritim Malaysia (APMM), walaupun kerajaan mengakui masih terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki.

Beliau turut menegaskan, adalah tidak adil untuk menilai secara menyeluruh agensi penguatkuasaan khususnya PDRM berdasarkan persepsi negatif, sedangkan pasukan itu telah menunjukkan keupayaan serta komitmen tinggi berasaskan integriti dalam memerangi jenayah dan juga penyeludupan di negara ini.

'Sukar elak ikan mahal ketika musim tengkujuh'

Kota Bharu: Harga ikan segar di pasar sekitar Kelantan naik di antara RM2 hingga RM8 sekilogram sejak awal bulan lalu, susulan cuaca yang tidak menentu sehingga menjejaskan hasil tangkapan nelayan tempatan.

Peniaga ikan, Norafaika Kamarudin, 33, berkata ikan selang yang dijual RM12 hingga RM14 sekilogram, berbanding RM8 hingga RM10 sekilogram sebelum ini, manakala ikan tenggiri pula kini dijual RM40 hingga RM42 sekilogram, berbanding RM36 hingga RM38 sekilogram.

Katanya, harga ikan kembung juga meningkat kepada RM24 sekilogram berbanding sebelum ini RM20 hingga RM22 sekilogram dan ikan selar pula dijual RM24 berbanding RM16 hingga RM20 sekilogram sebelum ini.

"Bekalan ikan pada masa ini bergantung kepada hari kerana ada ikan tiada bekalan. Saya masih lagi menjual ikan segar yang menjadi pilihan pelang-



Ikan segar masih jadi pilihan penduduk biarpun bekalan berkurangan ketika tengkujuh.

(Foto Ghazali Kori/BH)

gan meskipun harganya mahal sikit," katanya.

Norafaika berkata, kebanyakan penduduk Kelantan memilih ikan segar berbanding ikan sejuk beku disebabkan kua-

liti ikan yang lebih baik biarpun harganya mahal.

Bagi mendapatkan bekalan ikan segar, katanya, beliau menunggu pemborong di Pusat Transformasi Luar Bandar

(RTC) Tunjong seawal 4 pagi dan jika terlambat, sukar untuk memperoleh ikan yang elok.

"Buat masa ini, hanya nelayan yang menggunakan bot besar keluar menangkap ikan

di laut, manakala kebanyakan nelayan bot kecil pula tidak turun ke laut bimbang keselamatan mereka kerana cuaca tidak menentu.

"Beberapa pasar sudah mula menjual ikan sejuk beku.

"Peniaga yang menjual ikan segar belum beralih kepada ikan sejuk beku dan masih mendapatkan bekalan ikan segar walaupun harga yang diperoleh daripada pemborong lebih mahal," katanya.

Seorang lagi peniaga, Husin Mamat, 52, berkata setiap kali musim tengkujuh akan berlaku kenaikan harga ikan, tetapi minggu ini, beliau masih menjual pada harga lama.

"Sejak peralihan monsun pada bulan lalu hingga kini, bekalan ikan diperolehi seperti biasa kerana masih terdapat nelayan yang dapat turun ke laut.

"Harga ikan memang meningkat ketika musim tengkujuh dan ini sukar dielakkan," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 17 DISEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-Dec	Kerajaan perkukuh penilaian harta intelek, letak Malaysia antara perintis ASEAN - Armizan	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1485689/kerajaan-perkukuh-penilaian-harta-intelek-letak-malaysia-	BERITA HARIAN
17-Dec	Kerajaan perkukuh penilaian harta intelek, letak Malaysia antara perintis ASEAN – Armizan	https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-perkukuh-penilaian-harta-intelek-letak-malaysia-antara-perintis-asean-armizan/	TV3
17-Dec	Malaysia to regulate IP valuers under upcoming legal amendments, says Armizan	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/16/malaysia-to-regulate-ip-valuers-under-upcoming-legal-amendments-says-armizan	THE STAR
17-Dec	Work closely with MyIPO, IP valuers to unlock opportunities, Armizan urges financial institutions	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/16/work-closely-with-myipo-ip-valuers-to-unlock-opportunities-armizan-urges	THE STAR
17-Dec	KPDN Kuala Lumpur lupus barang rampasan RM4.5 juta	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1485671/kpdn-kuala-lumpur-lupus-barang-	BERITA HARIAN
17-Dec	KPDN KL lupus barang rampasan RM4.5 juta dalam tempoh dua tahun	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2503293	BERNAMA
17-Dec	KPDN KL lupus barang rampasan RM4.5 juta	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kl-lupus-barang-rampasan-rm4-5-juta/	TV3
17-Dec	KPDN KL lupus barang kes bernilai RM4.5 juta	https://www.sinarharian.com.my/article/760715/berita/semasa/kpdn-kl-lupus-barang-kes-	SINAR HARIAN

17-Dec	KPDN WPKL lupus barang kes bernilai RM4.5 juta dalam 2 tahun	https://thesun.my/berita/tempatan/kpdn-wpkl-lupus-barang-kes-bernilai-rm4-5-juta/	THE SUN
17-Dec	Kartel seludup barangan kawalan dalam radar KPDN KL	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/kartel-seludup-barangan-kawalan-dalam-radar-kpdn-kl/	UTUSAN
17-Dec	Pemantauan terhadap kegiatan sindiket diperketatkan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1300505/pemantauan-terhadap-kegiatan-sindiket-diperketatkan	HARIAN METRO
17-Dec	KPDN Sabah rekod rampasan lebih RM30.37 juta sehingga November	https://www.utusanborneo.com.my/2025/12/16/kpdn-sabah-rekod-rampasan-lebih-rm3037-juta-sehingga-november	UTUSAN BORNEO
17-Dec	Sabah KPDN records RM30.3mil in seizures in 2025	https://www.dailyexpress.com.my/news/272591/sabah-kpdn-records-rm30-3mil-in-seizures-in-2025/	DAILY EXPRESS
17-Dec	KPDN Periksa 136,600 Premis Sepanjang Tahun 2025	https://www.nabalunews.com/post/kpdn-periksa-136-600-premis-sepanjang-tahun-2025	NABALU NEWS
17-Dec	Progran Jualan Rahmah MADANI bantu ringankan kos beban rakyat Tempatan	https://www.borneodailybulletin.com/progran-jualan-rahmah-madani-bantu-ringankan-kos-beban-rakyat/	BORNEO DAILY
17-Dec	1,835 Program Jualan Rahmah MADANI Di Perak Sepanjang Tahun Ini	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2503397	BERNAMA
17-Dec	1,835 Rahmah Sales Held In Perak This Year, Benefiting Over 2 Million	https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2503473	BERNAMA

17-Dec	Gagal bayar tuntutan lebih RM24,000, pemilik syarikat umrah dipenjara 3 bulan	https:// www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/12/1485824/ gagal-bayar-tuntutan-lebih- rm24000-pemilik-syarikat- umrah-dipenjara	BERITA HARIAN
17-Dec	Pemilik syarikat umrah gagal bayar tuntutan, dipenjara 3 bulan	https://www.buletintv3.my/ mahkamah/pemilik-syarikat- umrah-gagal-bayar-tuntutan- dipenjara-3-bulan/	TV3
17-Dec	Pemilik syarikat pengurusan pakej umrah dipenjara 3 bulan.	https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2025/12/1300623/ pemilik-syarikat- pengurusan-pakej-umrah- dipenjara-3-bulan	HARIAN METRO
17-Dec	Anjakan Penilaian Harta Intelektual Pacu Daya Saing Negara - Armizan	https://www.bernama.com/ bm/am/news.php? id=2503327	BERNAMA
17-Dec	Armizan: IP valuation key to boosting national competitiveness	https:// theedgemalaysia.com/ node/786153	THE EDGE
17-Dec	Malaysia pushes for IP valuation, boosts national competitiveness	https://thesun.my/news/ malaysia-news/malaysia- pushes-for-ip-valuation- boosts-national- competitiveness/	THE SUN
17-Dec	知识产权局法将修订 阿米占：引入评估师监管框架	https:// www.sinchew.com.my/ news/20251216/ nation/7115441	SIN CHEW
17-Dec	KPDN WPKL laksanakan Pelupusan Mega barangan kes bernilai lebih RM4.5 juta	https://berita.rtm.gov.my/ nasional/senarai-berita-nasional/ senarai-artikel/kpdn-wpkl- laksanakan-pelupusan-mega- barangan-kes-bernilai-lebih-rm4- 5-juta	RTM
17-Dec	RM30 juta nilai rampasan menerusi pelbagai operasi – KPDN Sabah	https://www.utusan.com.my/ nasional/2025/12/rm30-juta-nilai- rampasan-menerusi-pelbagai- operasi-kpdn-sabah/	UTUSAN